

Abdullah lawat sembilan negara ASEAN Disember

KUALA LUMPUR 20 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka mengadakan kunjungan hormat ke sembilan buah negara ASEAN bulan depan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, kunjungan tersebut adalah yang pertama selepas Abdullah mengambil alih kepimpinan negara daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 31 Oktober lalu.

“Kunjungan ini merupakan satu kebiasaan yang dilakukan oleh pemimpin baru di rantau ini. Ia juga bertujuan mengukuhkan hubungan serantau,” katanya di sini hari ini.

Beliau ditemui selepas merasmikan pameran fotografi mengenai dunia Islam oleh jurugambar antarabangsa Peter Sanders di Galeri Petronas di sini hari ini.

Mengenai kunjungan tersebut, Syed Hamid berkata, kementeriannya akan cuba memastikan lawatan Perdana Menteri ke negara-negara ASEAN dapat dilaksanakan secepat mungkin.